



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERLINDUNGAN LINDUNG KENDIRI UNTUK PEKERJA GIG



Apa itu LINDUNG Kendiri untuk Pekerja Gig?

Pekerja gig yang bekerja di bawah penyedia platform diwajibkan mencarum Skim LINDUNG Kendiri PERKESO sebagaimana peruntukan Akta Pekerja Gig 2025 yang berkuat kuasa mulai 31 Mac 2026

Siapakah Pekerja Gig yang Wajib Mencarum LINDUNG Kendiri di bawah Akta Pekerja Gig 2025?

- ✔ Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap
- ✔ Membuat perjanjian perkhidmatan dengan entiti kontrak yang merupakan penyedia perkhidmatan
- ✔ Menerima pendapatan bagi perkhidmatan tersebut

**LINDUNG
KENDIRI**

Siapakah Penyedia Platform?



Mana-mana penyedia sistem pengantara digital yang menghubungkan perkhidmatan oleh pekerja gig kepada pengguna perkhidmatan

Siapakah yang Membayar Caruman?



Caruman adalah mandatori dan wajib dibayar oleh pekerja gig



Penyedia platform diwajibkan untuk melaksanakan potongan caruman kepada pekerja gig melalui sistem pengantara digital yang dihubungkan dengan sistem PERKESO

Berapakah Caruman yang Perlu Dibayar?

1.25%

Kadar caruman

daripada setiap transaksi tugas (*job*) yang diselesaikan oleh pekerja gig
Potongan caruman akan dipotong sehingga caruman pekerja gig mencapai amaun caruman untuk tempoh 24 bulan / 2 tahun

Bagaimanakah Kaedah Potongan Caruman Dibuat?

1

Pekerja gig menyelesaikan tugas

2

Penyedia platform membuat potongan caruman pada kadar 1.25% daripada setiap tugas yang diselesaikan

3

Wang caruman dimasukkan ke wallet pekerja gig

4

Penyedia platform membayar caruman kepada PERKESO setiap bulan

Pelan Caruman LINDUNG Kendiri

RM157.20

Caruman gig (Pelan 1)

Walau bagaimanapun, pekerja gig boleh menaik taraf (*upgrade*) ke pelan caruman yang lebih tinggi dengan memastikan amaun minimum bagi setiap pelan caruman telah dapat dicapai

Pelan Caruman

Pelan	Pendapatan Bulanan	Bayaran Caruman Bulanan	Bayaran Caruman Setahun
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

Tanggungjawab Pekerja Gig

Memastikan caruman yang dibayar kepada PERKESO mencapai kadar caruman minimum di bawah Akta 789 (RM157.20 setahun)

Jika kadar caruman kurang daripada kadar minimum

Menjelaskan sebarang kekurangan caruman kepada PERKESO (jika ada) apabila menerima notifikasi daripada Penyedia Platform melalui aplikasi

Jika kadar caruman melebihi kadar minimum

Pekerja gig perlu memilih pelan caruman di bawah Akta 789 melalui notifikasi dalam aplikasi platform (jika ada)

Kewajipan Penyedia Platform



Semak potongan caruman anda di Aplikasi PRIHATIN atau hubungi talian 03-4264 5210 atau 03-4264 5360



Get it on Google Play

Get it on Google Play



prihatin.perkeso.gov.my

atau Soalan Lazim di web rasmi PERKESO



www.perkeso.gov.my